



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

*Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, 50782 Kuala Lumpur
Tel: 03-20944702; Fax: 03-20956523; Emel: pro@kpkt.gov.my.*

Pengarang Surat Pembaca
Utusan Malaysia

Tuan/Puan,

Rujukan Artikel : Surat Pembaca
Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 30 Julai 2009
Muka surat : 12
**Tajuk : Hentikan beri lesen syarikat wang
berlesen**

Saya ingin merujuk kepada surat pembaca Utusan Malaysia bertajuk "**Pantau Syarikat Wang Wang Berlesen**" pada 29 Julai 2009 dan "**Hentikan Beri Lesen Syarikat Berlesen**" pada 30 Julai 2009. Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua penulis surat tersebut atas pandangan dan komen yang dikemukakan. Sepertimana semua sedia maklum, pemberi pinjam wang merupakan institusi kewangan mikro kredit yang telah lama bertapak di Malaysia.

Urus niaga pemberi pinjam wang pada masa ini adalah dikawal di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 yang ditadbir oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Selain dari institusi perbankan dan koperasi, pemberi pinjam wang berlesen merupakan satu organisasi yang menawarkan saluran tambahan yang menjadi alternatif kepada mereka yang memerlukan tunai untuk menjalankan perniagaan atau memenuhi lain-lain keperluan.

Banyak dikalangan peminjam adalah terdiri daripada individu, penjaja, peniaga dan juga syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana. Tidak dapat dinafikan bahawa, sehingga ke hari ini, industri ini telah memberikan banyak faedah serta sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara. Ini kerana, kumpulan-kumpulan utama yang menggunakan industri ini adalah terdiri daripada peniaga-peniaga kecil, pengusaha industri kecil dan sederhana (SME) dan kelompok berpendapatan sederhana.

Kesemua garis panduan serta kaedah-kaedah dalam menjalankan perniagaan sebagai Pemberi Pinjam Wang ini telah ditetapkan di dalam Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 serta peraturan-peraturan yang terdapat di dalamnya yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Polis Di Raja Malaysia. Sejak isu Pemberi Pinjam Wang Tanpa Lesen atau Ah-Long yang menggemparkan negara pada sekitar Mei 2009, Kementerian ini telah mengambil langkah utama dengan **membekukan sementara semua proses pengeluaran lesen baru Pemberi Pinjam Wang**. Walaubagaimanapun, permohonan pembaharuan lesen Pemberi Pinjam Wang tidak termasuk di dalam pembekuan ini.

Hasrat dan matlamat utama Kementerian ini berkenaan keputusan pembekuan lesen ini adalah untuk mengkaji semula semua dasar-dasar sedia ada serta kaedah-kaedah yang digunapakai dalam mengeluarkan sesuatu lesen Pemberi Pinjam Wang kepada mana-mana pemohon.

Ini termasuklah menyemak semula dan mengemaskini semua profil-profil pemegang lesen sedia ada. Ini adalah bagi memastikan hanya pemegang lesen yang mematuhi Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 serta undang-undang negara yang dibenarkan menjalankan perniagaan mereka.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai agensi yang menguatkuasakan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif dalam memastikan mana-mana pemegang lesen sedia ada tidak menindas mana-mana pengguna mereka.

Antara tindakan yang diambil oleh Kementerian ini adalah dengan melakukan pemeriksaan ke atas semua premis-premis Pemberi Pinjam Wang berlesen di seluruh negara bagi memastikan mereka mematuhi peruntukan serta keperluan di dalam akta ini. **Sepanjang tahun 2008, sebanyak 296 premis telah diperiksa oleh Kementerian ini dan dari Januari 2009 sehingga 30 Jun 2009 pula, sebanyak 316 premis telah diperiksa.**

Daripada maklumbalas yang diterima oleh orang awam yang berada di dalam premis semasa pemeriksaan dilakukan, mereka menyambut baik langkah dan tindakan yang diambil oleh Kementerian ini. Bagi mana-mana pemegang lesen yang didapati gagal mematuhi peruntukan Akta sedia ada semasa pemeriksaan dilakukan, teguran serta amaran tegas telah diberikan kepada mereka.

Bagi menangani isu di mana dikatakan Pemberi Pinjam Wang Berlesen melanggar etika serta syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian ini, maka kerjasama orang ramai adalah diminta untuk bersama-sama membantu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam mengambil tindakan ke atas pemberi pinjam wang berlesen yang telah menjalankan urusan niaga yang melanggar Akta dan Peraturan yang ditetapkan. Aduan secara rasmi boleh dibuat kepada Kementerian melalui pelbagai saluran seperti butiran di bawah:

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Seksyen Penguatkuasaan,
Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pajak Gadai
Tingkat 4, Blok K
Pusat Bandar Damansara
50782 Kuala Lumpur

Tel : 03-20993224. 03-2099 3223 & 03-2099 2410
Portal : www.kpkt.gov.my
e-mel : bpwg@kpkt.gov.my

**Ketua Komunikasi Korporat
Unit Komunikasi Korporat
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.**